

# **PENGUMUMAN**

## **PENJELASAN KEPADA SEKSYEN 83A, ACP 1967 BAGI MAKSUD PENYEDIAAN BORANG CP58[2011] DAN BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN UNTUK TAHUN 2011**

1. Syarikat yang membayar insentif berbentuk wang tunai dan bukan wang tunai (insentif yang diterima ejen, pengedar atau pengagih berdasarkan kepada pencapaian prestasi jualan produk atau perkhidmatan, sama ada yang ditetapkan di dalam kontrak ataupun tidak) kepada ejen, pengedar atau pengagih perlu menyediakan borang CP58[2011] kepada ejen, pengedar atau pengagih selewat-lewatnya 31 Mei 2012 (insentif bagi tahun 2011). Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan kepada syarikat pembayar untuk tidak mengeluarkan borang CP58[2011] bagi tahun 2011 dengan syarat penyata tahunan (Januari 2011 hingga Disember 2011) yang dikeluarkan kepada ejen, pengedar atau pengagih perlu mengandungi maklumat bayaran insentif dalam bentuk wang tunai dan bukan wang tunai.

Mulai tahun berakhir 31/12/2012 dan seterusnya, borang CP58 hanya perlu disediakan dan dikemukakan oleh syarikat pembayar kepada ejen, pengedar atau pengagih bagi amaun insentif berbentuk wang tunai dan bukan wang tunai yang melebihi RM 5,000.

2. Bagi insentif bukan berbentuk wang tunai, amaun yang perlu dinyatakan adalah bersamaan dengan nilai / amaun sebenar yang dibelanjakan oleh syarikat pembayar untuk insentif tersebut. Oleh itu, kenyataan di Nota Panduan Pengisian Borang CP58, Bahagian C(2a-2b) adalah dibatalkan.
3. Insentif berbentuk wang tunai dan bukan wang tunai yang diterima oleh ejen, pengedar atau pengagih adalah merupakan punca pendapatan perniagaan. Ejen, pengedar atau pengagih perlu melaporkan insentif yang diterima untuk tahun 2011 dalam Borang Cukai Pendapatan 2011.

Dikeluarkan oleh : Jabatan Dasar Percukaian  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Tarikh : 10 April 2012